

ANM(T) 81/10/6/10 (12)



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 12 TAHUN 2014**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai format Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

2. LATAR BELAKANG

Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) telah melalui beberapa fasa perubahan. Bermula tahun 2010 persembahan PKKP telah ditambah baik bagi memberi gambaran yang lebih jelas mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

3. FORMAT PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

- 3.1 Mulai tahun kewangan 2010, persembahan PKKP dan Nota Kepada Penyata Kewangan yang disertakan telah dibuat penambahbaikan supaya jelas dan mudah difahami.
- 3.2 PKKP mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- 3.3 Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan secara keseluruhan manakala Nota Kepada Penyata Kewangan mengandungi penjelasan lanjut serta jadual terperinci berkaitan butiran di Penyata Kedudukan Kewangan.
- 3.4 PKKP disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) -Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*.
- 3.5 Format persembahan telah dibuat terhadap PKKP yang mengandungi maklumat berikut :

3.5.1 Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Dan Akauntan Negara Malaysia

Pernyataan ini mengesahkan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

3.5.2 Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

PKKP mengandungi lima komponen berikut:

(a) Penyata Kedudukan Kewangan

Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah Wang Awam yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan. Manakala Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

(b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan sumber (aliran masuk tunai) dan penggunaan dana (aliran keluar tunai). Penyata ini terdiri daripada:

- (i) **Terimaan**
Aliran masuk terimaan Kerajaan yang terdiri daripada hasil, pinjaman, bantuan luar negeri, terimaan modal dan terimaan lain.
 - (ii) **Bayaran**
Aliran keluar bayaran Kerajaan yang terdiri daripada perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan modal, pinjaman, bantuan luar negeri dan bayaran lain.
- (c) **Penyata Prestasi Kewangan**
Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan Lebihan/(Kurangan) hasil selepas perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan serta sumber pembiayaan. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana pinjaman dan bantuan luar negeri, terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan serta perubahan tunai, pelaburan dan amanah.
- (d) **Penyata Akaun Memorandum**
Penyata Akaun Memorandum menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.
- (i) **Memorandum Aset**
Aset yang didedahkan dalam Penyata Akaun Memorandum merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan.
 - (ii) **Memorandum Liabiliti**
Liabiliti yang didedahkan dalam Penyata Akaun Memorandum merangkumi Hutang Awam dan Pelbagai Liabiliti.
- (e) **Nota Kepada Penyata Kewangan**
Nota Kepada Penyata Kewangan mengandungi penjelasan lanjut serta jadual berikut:
- (i) Dasar dan Prinsip Perakaunan;
 - (ii) Persembahan PKKP;
 - (iii) Penjelasan berkaitan amaun yang ditunjukkan dalam PKKP; dan
 - (iv) Maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kewangan dan angka perbandingan.

3.6 PERSEMBAHAN

Format PKKP adalah seperti Lampiran 1, Lampiran 2, Lampiran 3 dan Lampiran 4.

4. TARIKH BERKUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai PKKP tahun kewangan 2010.

5. PEMAKAIAN

Surat Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

6. PEMBATALAN


Dengan berkuat kuasanya surat pekeling ini, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil.5 Tahun 2011 adalah dibatalkan.

7. PENUTUP

Kementerian/Jabatan dan Ketua Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling ini dipatuhi. Sebarang pertanyaan berkenaan Surat Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN
Akauntan Negara Malaysia

17 Disember 2014

s.k :

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Audit Negara

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Lampiran 1

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 20xx

	20xx RM	20xx RM
WANG AWAM		
WANG TUNAI	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
PELABURAN	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
	<hr/>	<hr/>
	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
	<hr/>	<hr/>
DIPEGANG BAGI:		
KUMPULAN WANG DISATUKAN		
AKAUN HASIL DISATUKAN	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
AKAUN AMANAH DISATUKAN	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
	<hr/>	<hr/>
	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
	<hr/>	<hr/>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 20xx

	20xx		20xx	
	RM	RM	RM	RM
TERIMAAN				
Hasil				
Hasil Cukai	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Hasil Bukan Cukai	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Terimaan Bukan Hasil	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Hasil Wilayah-Wilayah Persekutuan	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx
Pinjaman				
Dalam Negeri	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Luar Negeri	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx
Bantuan Luar Negeri				
Pinjaman Multilateral	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Pinjaman Bilateral	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx
Terimaan Modal				
Terimaan Balik Pinjaman	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Jualan Aset Modal	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Pelbagai Terimaan Modal	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Jualan Instrumen Kewangan	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx
Terimaan Lain				
Terimaan Amanah	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Inisiatif Pembayaran Swasta(PFI)	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx
Jumlah Terimaan		<u>xxx,xxx,xxx</u>		<u>xxx,xxx,xxx</u>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI(sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 20xx

BAYARAN	20xx		20xx	
	RM	RM	RM	RM
Perbelanjaan Mengurus				
Emolumen	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Perkhidmatan dan Bekalan	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Aset	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Perbelanjaan Lain	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx
Perbelanjaan Pembangunan				
Langsung	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Pinjaman	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx
Inisiatif Pembiayaan Swasta(PFI)	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx
Perbelanjaan Modal				
Pemberian Instrumen Kewangan	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx
Pinjaman				
Dalam Negeri	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Luar Negeri	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx
Bantuan Luar Negeri				
Pinjaman Multilateral	xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx	
Pinjaman Bilateral	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx
Bayaran Lain				
Akaun Amanah	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx	<u>xxx,xxx,xxx</u>	xxx,xxx,xxx
Jumlah Bayaran		<u>xxx,xxx,xxx</u>		<u>xxx,xxx,xxx</u>
Tambahan/ (Kurangan) Wang Tunai		xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx
Wang Tunai Pada 1 Januari		xxx,xxx,xxx		xxx,xxx,xxx
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER		<u>xxx,xxx,xxx</u>		<u>xxx,xxx,xxx</u>

Lampiran 3

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 20xx

	20xx		20xx
	Anggaran RM	Sebenar RM	Sebenar RM
HASIL	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
<i>Tolak:</i>			
Belanja Mengurus	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
LEBIHAN HASIL	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
<i>Tolak</i>			
Belanja Pembangunan	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
LEBIHAN/ (KURANGAN) KESELURUHAN	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
LEBIHAN PEMBIAYAAN/ (KURANGAN DIBIYAI OLEH):			
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri		xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan		xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah		xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
(JUMLAH PENGGUNAAN)/ JUMLAH PEMBIAYAAN		xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx

Lampiran 4

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 20xx**

	20xx	20xx
	RM	RM
MEMORANDUM ASET		
Pinjaman Boleh Dituntut	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
Pelaburan	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
MEMORANDUM LIABILITI		
Hutang Awam	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx
Pelbagai Liabiliti	xxx,xxx,xxx	xxx,xxx,xxx